



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## BAHASA GURU-MURID DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: SATU ANALISIS SEMANTIK DAN PRAGMATIK

MUHAMMAD BIN CHE MAJID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI  
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

25 APRIL 2005

MUHAMMAD BIN CHE MAJID

M20031001025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izin kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan kajian ini bagi memenuhi syarat untuk memperoleh ijazah sarjana pendidikan.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood selaku penyelia kerana banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan panduan sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Tesis ini tidak berhasil tanpa bimbingan dan teguran membina daripadanya.

Saya juga merakamkan terima kasih kepada Encik Idris Mohd Radzi yang banyak memberi bimbingan dan teguran yang berkaitan dengan pembinaan tesis dan kaedah penyelidikan bagi membantu saya melengkapkan tesis ini.

Seterusnya, terima kasih kepada pihak universiti, pensyarah yang terlibat secara lanngsung dan tidak langsung, serta yang membantu saya semasa saya mengikuti pengajian sarjana di sini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada Pengetua, Penolong-penolong Kanan, Ketua-ketua Panitia yang terlibat, guru-guru, murid-murid dan sampel kerana memberi kerjasama dan sokongan yang tidak terhingga semasa proses rakaman berlangsung. Kerjasama dan sokongan semua amat dihargai.

Akhirnya, penghargaan istimewa saya tujukan kepada isteri dan anak-anak; iaitupsi Hamimah Abdul Rahman, Muhammad Ariffuddin, Nur Ain Farhana dan Izzat Ariffin kerana banyak memberi semangat, sokongan, dan dorongan dan senantiasa mendoakan kejayaan saya sepanjang saya mengikuti pengajian di peringkat sarjana ini di Universiti Pendidikan Sultan Idris.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan Teori Sistem Semantik Penuh (*Full System Semantic*) dan Teori Relevans terhadap pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian lapangan, iaitu merakamkan secara langsung pengajaran guru. Di samping rakaman, borang pemerhatian juga digunakan untuk mencatat konteks yang dihasilkan oleh guru dan murid. Sampel pula terdiri daripada guru dan murid bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Geografi dan Pendidikan Agama Islam. Sampel terdiri daripada murid Tingkatan 1, Tingkatan 3, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah menengah di dalam daerah Hulu Selangor. Kaedah kualitatif digunakan. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa kedua-dua teori amat signifikan digunakan dalam sesi pengajaran kerana ia berdasarkan konteks untuk murid memahami dengan jelas isi pelajaran. Konteks dalam situasi pengajaran ialah Pengetahuan Sedia Ada murid. Di samping itu, penggunaan implikatur juga dapat menerbitkan dapatan kajian seperti fungsi implikatur, implikatur sebagai suatu strategi berbahasa, kekerapan penggunaan implikatur dan analisis lakukan bahasa. Murid India amat sedikit menggunakan implikatur dalam pembelajaran berbanding dengan murid Melayu.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

## ABSTRACT

The purpose of this study is to see the effectiveness on the application of Full System Semantic Theory and The Relevance Theory in the teaching and learning process in classrooms. The study used inventive research that is to record the teaching process directly. Besides recording, observation forms was used to record the context produced by teachers and students. Sample consists of teachers and students for subjects such as Bahasa Melayu, Geography, and Pendidikan Agama Islam. The students were from Form One, Form Three, Form Four and Form Five. The study was carried out in one of the secondary schools in Hulu Selangor district. Qualitative method was used. The results of this study indicates that both the theories was significant in the teaching processes because it was based on the context of the teachers. Contexts in teaching situations means the knowledge that the students already have. Besides this, the usage of implicators can be shown in the results of this study such as the function of implicators, implicators as a language strategy, frequent usage of implicators and the analysis of language behavior. Indian students were the least used of implicators in the teaching compared to Malay students.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

#### HALAMAN JUDUL

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

 05-4506832  KANDUNGAN  pustaka.upsi.edu.my  PustakaTBainun  ptbupsi

SENARAI JADUAL xi

SENARAI CARTA xii

## BAB I PENDAHULUAN

|       |                       |    |
|-------|-----------------------|----|
| 1.1   | Pengenalan            | 1  |
| 1.2   | Latar Belakang Kajian | I  |
| 1.3   | Penyataan Masalah     | 6  |
| 1.4   | Batasan Kajian        | 8  |
| 1.5   | Objektif Kajian       | 9  |
| 1.6   | Soalan Kajian         | 10 |
| 1.7   | Kepentingan Kajian    | 10 |
| 1.7.1 | Guru                  | 10 |
| 1.7.2 | Kementerian           | 11 |
| 1.7.3 | Murid                 | 12 |



|       |                  |    |
|-------|------------------|----|
| 1.8   | Definisi Istilah | 12 |
| 1.8.1 | Guru             | 12 |
| 1.8.2 | Murid            | 13 |
| 1.8.3 | Pengajaran       | 13 |
| 1.8.4 | Pembelajaran     | 14 |
| 1.9   | Kesimpulan       | 14 |

## BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

|       |                              |    |
|-------|------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                   | 15 |
| 2.2   | Definisi Implikatur          | 15 |
| 2.2.1 | Jenis-jenis Implikatur       | 17 |
| 2.2.2 | Ciri-ciri Implikatur         | 18 |
| 2.2.3 | Implikatur Dalam Pengajaran  | 22 |
| 2.3   | Kajian-kajian Yang Berkaitan | 25 |
| 2.3.1 | Kajian Luar Negara           | 25 |
| 2.3.2 | Kajian Dalam Negara          | 28 |
| 2.4   | Teori                        | 33 |
| 2.4.1 | Teori Semantik Sistem Penuh  | 33 |
| 2.4.2 | Teori Relevans               | 34 |
| 2.4.3 | Konsep Tambahan              | 39 |
| 2.5   | Kesimpulan                   | 40 |

## BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

|       |                        |    |
|-------|------------------------|----|
| 3.1   | Pengenalan             | 41 |
| 3.2   | Reka Bentuk Kajian     | 41 |
| 3.3   | Kaedah Kajian          | 42 |
| 3.2.1 | Sampel dan Persampelan | 42 |
| 3.3.2 | Alat Pungutan Data     | 44 |





|         |                              |    |
|---------|------------------------------|----|
| 3.3.2.1 | Kajian Lapangan              | 44 |
| 3.3.2.2 | Pita Rakaman                 | 49 |
| 3.3.2.3 | Borang Pemerhatian           | 50 |
| 3.3.3   | Kajian Pustaka               | 50 |
| 3.4     | Prosedur Penganalisisan Data | 52 |
| 3.4.1   | Analisis Data Implikatur     | 53 |
| 3.5     | Kesimpulan                   | 57 |

## BAB 4: IMPLIKATUR

|         |                                 |    |
|---------|---------------------------------|----|
| 4.1     | Pengenalan                      | 58 |
| 4.2     | Analisis Implikatur             | 58 |
| 4.2.1   | Fungsi Implikatur               | 59 |
| 4.2.1.1 | 4.2.1.1.my                      | 59 |
| 4.2.1.1 | Kelancaran Pengajaran           | 59 |
| 4.2.1.2 | Percambahan Maklumat            | 61 |
| 4.2.1.3 | Pengajaran Menarik dan Berkesan | 62 |
| 4.2.1.4 | Membina Keyakinan               | 63 |
| 4.2.2   | Strategi Penggunaan Implikatur  | 65 |
| 4.2.2.1 | Kaedah Penggunaan Implikatur    | 65 |
| 4.2.2.2 | Jenis Ayat                      | 68 |
| 4.3     | Kekerapan Penggunaan Implikatur | 71 |
| 4.4     | Perbincangan Dapatan            | 79 |
| 4.5     | Kesimpulan                      | 80 |

## BAB 5: ANALISIS LAKUAN BAHASA

|     |                    |    |
|-----|--------------------|----|
| 5.1 | Pengenalan         | 82 |
| 5.2 | Peringkat Analisis | 84 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

|     |                      |     |
|-----|----------------------|-----|
| 5.3 | Analisis Data        | 85  |
| 5.4 | Perbincangan Dapatan | 110 |
| 5.5 | Kesimpulan           | 112 |

## BAB 6 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

|     |                          |     |
|-----|--------------------------|-----|
| 6.1 | Pengenalan               | 113 |
| 6.2 | Implikasi Kajian         | 113 |
| 6.3 | Cadangan Kajian Lanjutan | 114 |
| 6.4 | Kesimpulan               | 115 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## RUJUKAN 117

|          |   |     |
|----------|---|-----|
| LAMPIRAN | A | 123 |
|          | B | 131 |
|          | C | 132 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI JADUAL

| Jadual  | Muka Surat |
|---|------------|
| 4.1 Kekerapan Implikatur Mengikut Sesi Pengajaran         | 73         |
| 4.2 Sesi Pengajaran Mengikut Tingkatan                    | 74         |
| 4.3 Kekerapan Implikatur Seluruh Pengajaran Mengikut Kaum | 75         |
| 4.4 Kekerapan Mengikut Kaum                               | 76         |
| 5.1 Keputusan Bahasa Melayu SPM                           | 111        |
| 5.2 Keputusan Geografi dan Pendidikan Agama Islam PMR     | 112        |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI CARTA

| Carta   | Muka Surat |
|---|------------|
| 4.1 Peratus Jenis Ayat Yang Menghasilkan Implikatur | 69         |
| 4.2 Peratus Penggunaan Implikatur                   | 72         |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini menjadi asas kepada kandungan disertasi yang berkaitan dengan “Bahasa Guru-Murid Dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik”. Dalam bahagian ini, pengkaji membentangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, batasan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, definisi istilah, dan kesimpulan.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam kurikulum semakan telah meletakkan matlamat kurikulum bahasa Melayu sekolah menengah untuk melengkapkan murid dengan ketrampilan berbahasa dan komunikasi (PPK, 2000:iv). Di samping itu, objektif mata pelajaran bahasa Melayu adalah melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan dan penulisan untuk menjalin



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



serta mengeratkan hubungan (PPK, 2000:v). Serterusnya, penggunaan bahasa Melayu dalam bidang interpersonal berlaku melalui perkongsian idea semasa berinteraksi dengan memberi fokus kepada kemahiran lisan (PPK, 200:vi). Oleh itu, bidang interaksi atau komunikasi sangat dititikberatkan dalam kurikulum bahasa Melayu. Dengan situasi demikian, murid lebih aktif berbincang, memberi pendapat dan dapat berkomunikasi dengan menggunakan tatabahasa secara betul dan tepat.

Komunikasi berlaku di mana-mana di sekeliling kita. Komunikasi secara mudah bermaksud satu proses pemindahan makna, iaitu maklumat, idea, pengetahuan, persefahaman, lambang-lambang lain dari sumber atau penyampai kepada penerima melalui saluran-saluran tertentu dengan harapan mewujudkan persefahaman (Hashim Deraman at. al, 2002:55). Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2004:2) mendefinisikan komunikasi sebagai memindah atau menyampaikan mesej daripada satu pihak kepada pihak lain. Definisi yang hampir sama juga dijelaskan oleh beberapa sarjana komunikasi seperti Wilbur Schramm (1971), Carl Hovland (1953) dan Bleum (1966).

Komunikasi berlaku sama ada dengan lisan atau bersuara, dan bukan lisan seperti bahasa isyarat, mimik muka, atau gerakan bahan mahu pun dalam bentuk tulisan. Dalam bidang pendidikan, iaitu daripada perspektif pengajaran guru di dalam bilik darjah, perbincangan, soal jawab, pujukan dalam pengajaran adalah satu proses komunikasi (Hashim Deraman, et. al, 2002:86).

Proses komunikasi di dalam bilik darjah adalah komunikasi lisan dan tulisan, yang melibatkan pertuturan dan penulisan. Proses komunikasi di dalam bilik darjah adalah proses yang melibatkan komunikasi antara guru yang menyampaikan maklumat dan murid sebagai penerima maklumat. Komunikasi antara guru yang mengajar dan murid yang





mendengar dikatakan interaksi sehala, dan seterusnya apabila ada pula murid yang bertanya kepada guru sebagai maklum balas dan guru membalas dengan jawapan (penjelasan) maka berlakulah pula interaksi dua hala.

Terdapat pelbagai tujuan guru berkomunikasi dengan muridnya. Antara tujuan berkomunikasi antara guru dan murid ialah saling memahami satu sama lain, menjalin hubungan, mempengaruhi, membantu dan berseronok (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 2005: 6-7). Tujuan utama saling memahami antara guru dan murid adalah untuk mengenali diri, di samping mempengaruhi sikap, nilai dan kepercayaan (Abdullah Hassan dan Ainon. 2005: 7). Sementara itu, tujuan komunikasi membantu pula boleh dilakukan dengan cara menolong orang lain, memberi bantuan atau memberi nasihat. Tujuan komunikasi membantu ini banyak manfaatnya kepada guru sebab ia boleh membantu guru dalam meningkatkan motivasi murid.

Dalam penyampaian maklumat atau komunikasi ini, guru menggunakan bahasa. Bahasa yang digunakan dalam berkomunikasi bertujuan untuk memudahkan penerima memahami setiap ujaran atau tulisan itu. Hal ini demikian kerana bahasa adalah alat komunikasi (Asmah Haji Omar, 1993: 4) yang berkesan untuk mempengaruhi orang lain.

Nor Hashimah Jalaludin (2003) menjelaskan bahawa pertuturan lisan ialah penggunaan bahasa dalam komunikasi tanpa adanya penulisan. Asmah Haji Omar (1993:3) mengatakan bahawa bahasa melambangkan kebudayaan masyarakat penuturnya. Ertinya, setiap bahasa yang dituturkan adalah melambangkan budaya sesebuah masyarakat, yakni cara hidup mereka dan persekitaran fizikal dan sosial.

Bahasa didefinisikan oleh Arbak Othman (1983:7) sebagai pertuturan yang mempunyai sistem yang tertentu. Sementara itu, Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain



(1980:25) menjelaskan bahasa sebagai suatu sistem lambang-lambang pertuturan yang arbiterari yang digunakan oleh ahli-ahli sesebuah masyarakat untuk bergotong-royong. Definisi bahasa oleh Chomsky (1968:13) pula ialah sebagai sejumlah kalimat yang terbatas. Setiap kalimat mempunyai panjang yang terbatas dan terdiri daripada unsur-unsur yang terbatas (Manganar Simanjuntak 1982:3)

Dalam bidang pendidikan, guru menggunakan bahasa untuk menyampaikan, mempengaruhi dan mengubah persepsi murid (Abdullah Hasssan, 2005: 6-7, Hashim Deraman at.el, 2002: 86 dan Edward dan Westergate, 1987), di samping mengetahui, menikmati, mengawal, mencipta dan mengembangkan dunia kita (Sulaiman Masri, 1997:7). Sementara itu, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2005:7) pula menjelaskan konsep mempengaruhi itu, iaitu manusia berkomunikasi kerana hendak mempengaruhi fikiran, perasaan dan tingkah laku orang lain dan yang dimaksudkan dengan orang lain itu ialah murid. Guru mempengaruhi murid dalam interaksi supaya tabiat, kelakuan, sikap, dan pendapat (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd., 2005:7) supaya murid bertambah baik dan berkesan. Menurut Hashim Deraman et. al. (2002), interaksi antara guru dan murid adalah untuk menyampaikan isi pelajaran dan melunaskan objektif pelajaran yang dirancangkan.

Dalam komunikasi di dalam bilik darjah, guru-guru menggunakan bahasa dengan pelbagai ragam sifatnya: terdapat perkataan, frasa, klausa, ayat dan wacana dalam setiap sesi pengajaran yang waktunya antara 40 minit (satu waktu) atau 80 minit (dua waktu). Komunikasi sebegini berlaku di sekolah menengah.



Bahasa yang digunakan oleh guru pula adalah pelbagai sifatnya, iaitu dari bunyi, struktur, sistem, bererti dan arbitrari (Arbak Othman, 1983: 8). Bahasa adalah alat terpenting dalam hubungan penutur-pendengar atau guru-murid ini.

Ayat yang diujarkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran dipelbagaikan mengikut susunan dan ragamnya. Tujuan dipelbagaikan susunan dan ragam ayat yang dituturkan oleh guru adalah untuk menyampaikan isi pelajaran atau maklumat kepada murid dan memudahkan murid memahami ujaran itu. Penerangan, penyoalan dan perbincangan adalah teknik bagi menjayakan pertuturan lisan ini. Guru menyoal dan murid menjawab soalan guru. Maka, berlakulah komunikasi. Ayat penyata, ayat tanya, ayat seru, dan ayat perintah ialah ayat yang sering digunakan oleh guru dalam pengajarannya. Hal ini adalah kerana pada sesuatu masa guru digalakkan mempelbagaikan jenis ayat agar murid mudah memahaminya.



Hasil kajian yang dijalankan oleh Hashim et. al (2002), misalnya, salah satu masalah komunikasi antara guru dan murid ialah bahasa. Menurutnya lagi, ada guru yang menggunakan bahasa yang sukar difahami oleh murid (2002:101). Murid tidak memahami apa-apa isi pelajaran yang disampaikan oleh guru (2002:99). Menurut Hashim Deraman et. al (2002), keadaan inilah yang menjadikan murid menghadapi masalah salah faham, mesej yang diterima tidak difahami, dan pengajaran tidak bermakna (2002:86). Hal ini amat bertentangan dengan pendapat Abdul Hamid Mahmood (1990) yang menggariskan salah satu ciri komunikasi yang baik ialah penggunaan bahasa.

Pemilihan bahasa Melayu sebagai alat perhubungan untuk menyampaikan ilmu di dalam bilik darjah sangat bersesuaian dalam dunia pendidikan di negara kita. Guru dan murid ialah pengguna bahasa Melayu utama di dalam bilik darjah pada setiap masa. Guru



pula adalah model komunikasi paling berpengaruh di dalam bilik darjah khususnya dan di persekitaran sekolah amnya. Dengan menjadikan guru sebagai contoh, apa-apa yang diucapkan oleh guru menjadi ikutan murid. Tugas dan tanggungjawab guru sangat besar dalam proses komunikasi.

### 1.3 Penyataan Masalah

Kita berkomunikasi untuk memenuhi keperluan sama ada untuk diri sendiri, anggota keluarga, kawan, atau jiran. Kita berkomunikasi sebagai usaha bertukar maklumat, mesej, ilmu, idea sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan. Di sekolah, guru berkomunikasi dengan murid di dalam bilik darjah untuk menyampaikan isi pelajaran atau maklumat.

Interaksi ini berlaku sama ada maklumat itu daripada guru kepada murid, daripada murid kepada guru atau daripada murid kepada murid. Alat yang digunakan dalam komunikasi ini ialah bahasa.

Dalam kurikulum pendidikan sekarang, Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah, isi pelajaran diadakan bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani (PPK:2000). Komunikasi dalam kurikulum ini ditandai dengan kemahiran interpersonal.

Bahasa digunakan untuk mengembangkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Dengan demikian, kurikulum ini bertujuan untuk menyediakan murid yang menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi. Komunikasi yang baik dan berkesan antara guru dan murid dapat menghasilkan mesej atau maklumat yang jelas dan mudah difahami.



Gejala murid mengantuk, bosan dengan pelajaran, jemu kecewa dan tidak menyiapkan tugas yang diberi, merupakan rentetan masalah yang sering berlaku ketika dalam pengajaran di dalam bilik darjah, pada masa kini. Situasi ini berlaku adalah disebabkan masalah dalam komunikasi antara guru dan murid (Hashim Deraman et. al: 2002:57 & 93). Dalam hal ini, Wilbur Schramm (1971) dalam Sulaiman, Mohd Salleh dan Azlina (2002:55) menjelaskan komunikasi sebagai satu proses perkongsian terhadap satu isyarat maklumat. Begitu juga dengan Roger (1969) dalam buku yang sama menambahkan pengertian komunikasi sebagai satu proses yang antara penghantar dan penerima membentuk dan berkongsi antara satu sama lain dengan tujuan mencapai persefahaman. Akhirnya, maklumat yang ingin dikongsi atau disampaikan terhalang atau kabur, dan ia memberi kesan yang sangat besar kepada penerima, iaitu murid, dan berlakukan gejala-gejala di atas. Faktor inilah merupakan masalah yang dihadapi oleh murid yang perlu dikaji dan perlu dicari penyelesaian.

Dalam pengajaran, guru menggunakan bahasa untuk menyampaikan isi pelajaran yang dirancangkan. Untuk menyampaikan isi pelajaran, guru mestilah menggunakan bahasa yang mudah difahami murid. Abdul Hamid Mahmood (1993:54) menjelaskan bahawa bahasa yang digunakan oleh guru dalam pengajaran mestilah menggunakan bahasa yang betul, sesuai dan sempurna tatabahasanya. Bahasa yang betul, sesuai dan sempurna tatabahasanya dapat mengelakkan murid daripada mengalami kekeliruan, kecaburan dan salah faham. Guru sering kali juga menggunakan ayat berlapis semasa mengajar. Begitu juga dengan makna yang hendak disampaikan oleh guru, iaitu makna terselindung. Sulaiman Masri (1997:7) menyatakan bahawa bahasa pengantar atau pertuturan mestilah mampu mengemukakan setiap pengertian (makna) tanpa





menimbulkan sebarang kekeliruan. Oleh itu, aspek bahasa mesti dikuasai dengan betul dalam semua aspek. Oleh sebab murid tidak memahami bahasa yang kerap digunakan oleh guru yang tidak mengikut bahasa yang betul, maka timbulah masalah dalam kalangan murid untuk memahami.

Akhirnya, bertitik tolak daripada kesukaran memahami bahasa yang mempunyai makna berselindung, kabur dan salah faham ujarannya (Hashim Deraman et. al, 2002:100-101), maka tepat dan kena pada masanya satu kajian tentang kajian makna terselindung ini dijalankan.

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui tahap pemahaman dan tingkah laku atau tindak balas daripada bahasa yang diujarkan oleh guru kepada murid.

Sekiranya bahasa yang digunakan oleh guru sukar difahami, kabur dan membosankan,

Hasrat untuk melihat kurikulum yang dicanang bagi memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak kesampaian. Hasrat untuk melihat murid mengembangkan potensi, minda terbantut disebabkan oleh halangan bahasa. Oleh sebab itu, kajian tentang ujaran komunikasi yang mempunyai makna berlapis ini perlu dijalankan untuk melihat keberkesanannya.

#### 1.4 Batasan kajian

Kajian ini dibataskan kepada kajian bahasa komunikasi dalam pengajaran oleh guru dan murid semasa berlangsungnya proses pengajaran. Analisis kajian ini adalah berpandukan kerangka teori Semantik Sistem Penuh (Full System Semantics) dan Teori Relevans.

Kajian ini meliputi aspek-aspek yang berikut:





- i. kajian ini dibataskan ujaran lisan guru-murid dalam sesi pengajaran;
- ii. tumpuan kajian adalah implikatur perbualan guru-murid;
- iii. kajian ini memfokuskan pada fungsi, strategi, jenis ayat yang menghasilkan implikatur dan jumlah implikatur serta kekerapannya, dan
- iv. analisis lakuan bahasa yang dianalisis secara semantik dan pragmatik.

Dalam kajian ini, korpus yang digunakan adalah data lapangan yang dirakam suara. Tujuan rakam suara dijalankan adalah untuk mendapat maklumat yang tepat dan jelas. Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah menengah di dalam daerah Hulu Selangor. Kajian ini menggunakan rakaman pengajaran dalam beberapa mata pelajaran yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantarnya. Data yang dipilih adalah dirakam semasa pengajaran berlangsung.



## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tiga objektif seperti yang berikut;

- i. Untuk mendapatkan gambaran tentang fungsi, strategi dan jenis ayat yang digunakan untuk menghasilkan implikatur,
- ii. Untuk memperlihatkan jumlah implikatur dan kekerapannya yang dihasilkan oleh guru dan murid dalam pengajaran, dan
- iii. Untuk memperlihatkan tindak balas lakuan bahasa hasil daripada penggunaan implikatur dalam pengajaran dan pembelajaran





## 1.6 Soalan Kajian

Dalam menganalisis kajian ini, soalan-soalan kajian di bawah digunakan sebagai landasan. Terdapat dua soalan kajian yang perlu dijawab. Soalan kajian adalah seperti yang berikut:-

- i. Apakah fungsi, strategi, jenis ayat yang dihasilkan guru dan murid dalam menghasilkan implikatur semasa pengajaran dan berapakah jumlah implikatur dan kekerapannya?
- ii. Apakah tindak balas lakuhan bahasa hasil daripada penggunaan implikatur dalam pengajaran di dalam bilik darjah?



## 1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar tentang penggunaan bahasa dalam interaksi di dalam bilik darjah dan dapat memberi manfaat kepada guru, kementerian, dan murid.

### 1.7.1 Guru

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu para guru yang setiap masa terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Peranan guru amat penting dalam menyampaikan maklumat dan isi pelajaran. Setiap ujaran guru mengandungi makna. Oleh yang demikian, makna yang disampaikan oleh guru itu terhasil secara tersurat dan tersirat. Dengan memahami konteks, ayat yang guru ujarkan mengandungi makna tersirat akan mudah





difahami oleh murid. Dengan demikian tahap konteks, kesan konteks dan usaha memproses semakin sedikit, menjadikan murid semakin cepat memahami (Nor Hashimah, 1994) sesuatu ujaran guru. Guru berperanan memudahkan pemahaman pelajar dengan mengujarkan kata yang memerlukan usaha memproses yang sedikit.

Percantuman antara faktor linguistik dan bukan linguistik memudahkan pemahaman murid dan tugas guru menyampaikan isi pelajaran. Pendekatan yang digunakan oleh guru juga mampu mengubahkan persepsi murid semasa pengajaran pembelajaran dijalankan.

### 1.7.2 Kementerian

Dapatkan kajian ini diharapkan pihak Kementerian Pelajaran memahami bahawa penggunaan konteks amat perlu dalam sistem pelajaran pada hari ini. Konteks budaya dan masyarakat patut diserapkan dengan lebih meluas dalam kurikulum. Semakan Sukatan Pelajaran terkini ada memasukkan unsur sosiobudaya dalam kurikulum, tetapi agak terlewat dan perlu dilipatgandakan penyerapan ini. Teo Kok Seong cuba menerapkan kepentingan ini dalam kajiannya. Beberapa aspek sosiobudaya mulai diserapkan dalam semakan terkini (Huraian Sukatan Pelajaran, 2004). Antara unsur yang diterapkan adalah peraturan budaya, peribahasa, dan seumpamanya. Dengan demikian, pragmatik juga penting dalam pendidikan kini dan patut didahulukan.



### 1.7.3 Murid

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu murid dalam memahami setiap ujaran yang diujarkan oleh guru. Hal ini adalah kerana murid memerlukan maklumat untuk digunakan dalam menjawab peperiksaan. Murid yang aktif dapat membina keyakinan diri yang tinggi. Di samping pemahaman, semua sistem atau tatabahasa penting untuk dikuasai oleh setiap murid. Hal ini memandangkan bahawa setiap bahasa yang dituturkan apabila tidak mengikut atau patuh kepada tatabahasa, ia boleh mendatangkan masalah dalam komunikasi.

## 1.8 Definisi Istilah

 Definisi istilah digunakan untuk    Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  upsi memberi makna pada frasa-frasa tertentu yang berkaitan dengan tajuk supaya mudah difahami pembaca dan frasa-frasa itu ialah guru, murid, dan pengajaran dan pembelajaran.

### 1.8.1 Guru

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1994:88) dalam bukunya *Tesaurus Melayu Modern* memberikan definisi guru dalam sebagai pendidik, pengasuh, ustaz, ustazah, profesor, kiai dan cikgu. Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998: 420) pula menyatakan bahawa guru ialah orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh. Guru ialah orang yang menyampaikan maklumat di dalam kelas semasa pengajaran berlangsung.



### 1.8.2 Murid

Murid, menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1994:197) dalam *Tesaurus Moden* ialah pelajar, penuntut, mahasiswa dan sebagainya. Bagi Kamus Dewan (1999) pula, murid bermaksud anak atau orang yang sedang belajar. Ringkasnya, murid ialah orang yang sedang di alam persekolahan. Secara mudah, murid ialah orang yang ingin mendapatkan ilmu dan berumur lingkungan 7 hingga 20 tahun.

### 1.8.3 Pengajaran

Pengajaran bermaksud suatu proses pengendalian dalam bilik darjah, suatu aktiviti atau organisasi dalam bilik darjah (Arbak Othman: 1985:2). Arkab juga menyatakan pengajaran adalah suatu bentuk perhubungan antara guru dan murid dengan mengarah

kepada suatu matlamat tertentu yang harus dicapai. Dengan kata yang mudah, pengajaran merupakan suatu bentuk atau organisasi aktiviti yang dirancang dan diolah oleh guru untuk menyampaikan kefahaman tentang maklumat tertentu kepada pelajar-pelajarnya dalam suatu suasana dalam di bilik darjah (Nik Hassan Basri: 2003:107).

Sondra Enos (1975:344) pula menyatakan yang pengajaran adalah suatu jaringan aktiviti yang dikendalikan oleh guru bagi menghubungkan murid-murid melalui kefahaman yang dijangkakan dapat dipindahkan setelah hubungan itu dikawal baik oleh kaedah tertentu yang digunakan.

Dengan kata yang lebih mudah, pengajaran ialah aktiviti memberi pemahaman kepada murid di dalam bilik darjah dengan perancangan, pengolahan, kawalan yang baik supaya murid-murid mendapat pemahaman sebanyak mungkin.



#### 1.8.4 Pembelajaran

Pembelajaran, menurut Nik Hassan Basri (2003:108) adalah suatu proses penerimaan seseorang yang dikenali sebagai pelajar atas satu-satu maklumat atau pengetahuan yang mengakibatkan perubahan tingkah laku. Pembelajaran juga membolehkan seseorang itu mencapai matlamat tertentu dan memenuhi cita-cita, dengan aktiviti yang dilakukan itu secara formal di dalam bilik darjah dan melibat proses dua hala (komunikasi dua hala).

#### 1.9 Kesimpulan

Dalam interaksi guru murid di dalam bilik darjah, setiap ayat yang diujarkan oleh guru itu boleh mendatangkan pelbagai makna. Kekaburan makna semasa menggunakan ayat-ayat tertentu boleh berdasarkan faktor bukan linguistik. Semantik hanya dapat memberi makna setakat makna linguistik dan peranan pragmatik untuk menghapuskan kekaburan makna berdasarkan konteks. Dalam ujaran guru juga berlaku juga berlaku kekaburan makna.